

Newspaper	Sinar Harian
Date	9 May 2015

# Batal pembelian tanah

Sinar Harian - 9/5/2015  
Dr Mahathir sedih wang pencarum disalah guna pulih hutang 1MDB

**SHAH ALAM** - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mendesak agar Tabung Haji menghentikan pembelian membatalkan tanah Malaysia Development Berhad (1MDB).

Dalam catatan terbaru dalam blognya *chedetcc* semalam, Dr Mahathir berkata, wang yang disimpan dalam TH itu tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya kerana ia adalah hak pencarum

"Tidak ada negara yang begitu berjaya mengumpulkan wang daripada orang Islam yang berhajat untuk mengerjakan haji dari Malaysia dengan Tabung Hajinya.

"Wang Tabung Haji adalah daripada pencarum dan Tabung Haji hanya diamanahkan untuk mengurus dengan baik, dengan cara yang dihalalkan oleh Islam Wanginibukan



“ Tidak ada negara yang begitu berjaya mengumpulkan wang daripada orang Islam yang berhajat untuk mengerjakan haji dari Malaysia dengan Tabung Hajinya.”  
- Dr Mahathir

milik Tabung Haji," katanya.

Beliau berkata, amat menyedihkan apabila wang itu digunakan untuk bailout (pemulihan) hutang 1MDB.

"Tanah Tun Razak Exchange seluas 70 ekar dibeli oleh 1MDB dengan harga RM194.1 juta.

"Sekarang Tabung Haji membeli satu setengah ekar dengan harga RM188.5 juta hampir sama dengan harga

1MDB beli 70 ekar. Untung besarlah 1MDB. Sebenarnya tanah ini, asalnya untuk mengadakan pusat dagangan Bumiputra. Tetapi 1MDB telah menyetepikan projek ini!" dakwanya.

Dr Mahathir berkata, jelas wang Tabung Haji digunakan untuk menyelamatkan 1MDB sedangkan ia adalah duit orang ramai yang diamanahkan kepadanya dan pencarum ber-

harap duit disimpan dalam Tabung Haji diurus untuk kebaikan mereka.

Berhubunggesaan Pengerusi Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah SPRM, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim yang berjanji akan menyiasat mengenai ahli perniagaan Low Taek Iho (Jho Low) dan anak tiri Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, Riza Aziz sekiranya bekas perdana menteri itu membuat laporan polis, Dr Mahathir berkata, laporan dibuat pihak lain, tetapi tiada siasatan dibuat oleh sesiapa.

"Jika Tunku Abdul Aziz begitu prihatin terhadap gejala rasuah, siasatlah dan laporlah kes-kes berkenaan. Bulatkan juga yang saya lesap duit kerajaan. Jika tidak dapat diam sajalah," katanya.